

U 0767 DEB
MAHATHIR - SEMARAK

BUKIT MERTAJAM, 3 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA DASAR BERJIMAT CERMAT OLEH KERAJAAN TELAH MEMBOLEHKAN NEGARA MENGATASI KEMELESETAN EKONOMI BEBERAPA TAHUN LEPAS.

BUKANKAN SAHAJA KEMELESETAN TAHUN-TAHUN 1984/85/86 ITU DAPAT DIATASI, MALAHAN PEMULIHAN YANG DIKECAPI SEKARANG MERUPAKAN ANTARA YANG TERBAIK DI DUNIA.

SEMASA MELANCARKAN GERAKAN SETIA BERSAMA RAKYAT (SEMARAK) PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG DI AMPANGAN MENGKUANG DI SINI, PERDAMA MENTERI BERKATA DASAR BERJIMAT CERMAT ITU TERMASUK MENGURANGKAN PERBELANJAAN, DAN PINJAMAN LUAR NEGERI.

KATANYA ADA NEGARA DALAM MENGHADAPI KEMELESETAN MEMINJAM HANG UNTUK TERUS BERBELANJA SEPERTI NEGARA MEWAH, SEDANGKAN MALAYSIA TIDAK BERBUAT DEMIKIAN SEBALIKNYA SEBARANG PERBELANJAAN MENGAMBIL KIRA KEDUDUKAN KEWANGANNYA.

+APA JUA TINDAKAN KERAJAAN ADALAH UNTUK KEPENTINGAN RAKYAT DAN BUKAN BERMAKSUD UNTUK MENGANIAYA MEREKA DALAM MENGHADAPI ZAMAN KESUSAHAN ITU,+ TEGASNYA. -- LAGI
1352MST 03 09 88

U 0768 DEB
MAHATHIR - SEMARAK 2 BUKIT MERTAJAM

DATUK SERI DR MAHATHIR BERBANGGA KERANA DASAR BERJIMAT CERMAT ITU MENCAPAI KEJAYAAN DAN KINI ORANG-ORANG MENGANGGUR DAPAT BEKERJA, PENIAGA-PENIAGA MEMPEROLEHI PELANGGAN DAN SEMAKIN BANYAK KEDAI BARU DIBUKA.

KATANYA DALAM PEMULIHAN EKONOMI NEGARA, KERAJAAN TIDAK BERDIAM DIRI SEBALIKNYA TERUS BERUSAHA UNTUK MEMBANGUNKAN LAGI NEGARA DAN MEMAJUKAN KEHIDUPAN RAKYAT.

BELIAU BERHARAP SEGALA USAHA KERAJAAN DIPERBANTU OLEH RAKYAT SECARA MENGERATKAN PERPADUAN, KEHARMONIAN DAN BEKERJASAMA ANTARA KAUM AGAR KETEGANGAN DAN PERASAAN TAKUT-TAKUT DAPAT DIKIKIS LANGSUNG.

PERDAMA MENTERI JUGA MAHUKAN RAKYAT MENGIKIS SEBARANG SIKAP IRI HATI ANTARA KAUM DAN HENDAKLAH BERTHATI-HATI TERHADAP SEBARANG PIHAK YANG CUBA MEMANAMKAN PERASAAN IRI HATI DI KALANGAN MEREKA DALAM USAHA GOLONGAN ITU MENONJOLKAN KEPENTINGAN PERIBADI.

UNTUK MENGHADAPI DAN MENGATASI PENGKHIANATAN OLEH GOLONGAN SEUMPAMA ITULAH MAKA KERAJAAN MELANCARKAN GERAKAN SEMARAK SUPAYA PEMIMPIN DAN RAKYAT DAPAT MERAPATKAN BARISAN UNTUK SAMA-SAMA BERJUANG MEMBANGUNKAN NEGARA DAN PENDUDUKNYA. -- LAGI
1355MST 03 09 88

U 8769 DEB
MAHATHIR - SEMARAK 3 BUKIT MERTAJAM

KATANYA, SEJAK GERAKAN ITU DILANCARKAN, BANYAK FAEDAH TELAH DINIKMATI OLEH RAKYAT SEPERTI PENIAGA DAN PENJAJA YANG MENGAMBIL KESEMPATAN DARIPADA PERHIMPUNAN RIBUAN RAKYAT UNTUK MENAMBAH PENDAPATAN HARIAN.

BAGI PARA PENIMPIN PULA, GERAKAN ITU BUKAN UNTUK MENUNJUKKAN KEKUASAANNYA TETAPI SEMATA-MATA BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA BERGAUL LEBIH RAPAT DENGAN RAKYAT, MEMAHAMI DAN MENDALAMI MASALAH RAKYAT DAN PADA MASA YANG SAMA CUBA MENGATASINYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR YAKIN MENERUSI BARISAN PENIMPIN-RAKYAT YANG LEBIH KUKUH, MAKA NEGARA AKAN MEMPEROLEHI PEMBANGUNAN YANG LEBIH PESAT DAN SETERUSNYA RAKYAT AKAN DAPAT MENIKMATI KEHIDUPAN YANG LEBIH SEMPURNA.

PERDANA MENTERI BERHARAP SEMANGAT SEMARAK YANG BERKOBAR-KOBAR DI KALANGAN PERHIMPUNAN HARI INI, YANG BELIAU ANGSARKAN ANTARA 70,000 HINGGA 80,000 ORANG, TIDAK AKAN MATI APABILA BERAKHIRNYA ACARA SEBALIKNYA HARUS BERTERUSAN SEPANJANG MASA.

KERAJAAN AKAN MEMASTIKAN GERAKAN ITU HIDUP SUBUR DENGAN MENGGUDAL DASAR YANG WAJAR DAN MEMPERUNTUKKAN KEWANGAN SECUKUPNYA SEMENTARA RAKYAT PULA HENDAKLAH TERUS MENGAMALKAN SIKAP DEDIKASI DAN KOMITED YANG TIDAK BOLEH DIGANGGU-GUSAT, KATANYA. - LAGI.
1425MST 03 07 88

U 8772 DEB
MAHATHIR - SEMARAK 4 BUKIT MERTAJAM

SEMPENA PELANCARAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR TURUT MERASMIKAN TAMAN SEMARAK DI AMPANGAN ITU YANG BELIAU HARAPKAN MENJADI SALAH SATU PUSAT REKREASI YANG BERFAEDAH UNTUK KESIHATAN DAN KECERGASAN RAKYAT.

MENTERI PENDIDIKAN, HAJI ANWAR IBRAHIM, DALAM UCAPANNYA BERKATA KEHADIRAN RIBUAN RAKYAT NEGERI INI MENUNJUKKAN SEGALA TOHMAHAN TERHADAP PERDANA MENTERI TIDAK DITERIMA OLEH RAKYAT.

PERHIMPUNAN INI JUGA UNTUK MENYUARAKAN SOKONGAN YANG TIDAK BERBELAH BAGI KEPADA PUCUK PIMPINAN DATUK SERI DR MAHATHIR, KATANYA.

YANG TURUT HADIR PADA PELANCARAN ITU ISTERI PERDANA MENTERI, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI, KETUA MENTERI, PARA MENTERI CHONG EU, MENTERI PENERANGAN, DATUK MOHAMED RAHMAT, PARA MENTERI BESAR DAN KETUA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI PERSEKUTUAN. -- BERNAMA

1433MST 03 07 88